

Mahathir pelawa pelabur luar labur dalam hartanah

UM 3 SEP 1987

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempelawa para pelabur luar negeri supaya mengambil peluang melabur di bidang hartanah di negara ini sebagai pelaburan jangka panjang. Perdana Menteri berkata Malaysia sedang berusaha untuk mempertingkatkan industri hartanahnya dan antara perubahan yang dilakukan untuk tujuan tersebut ialah dengan membolehkan pelabur luar negeri membeli beberapa jenis hartanah di negara ini.

“Para pelabur patut mengambil peluang yang ada ini untuk melabur dalam bidang hartanah

pertanian, perumahan, komersial dan perindustrian bagi jangka masa panjang,” kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian dalam ucapan perasmian Kongres Hartanah Asia-Pasifik 1987 di Pusat Dagangan Dunia Putra yang dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Raja Ariffin Raja Sulaiman.

Perdana Menteri juga menarik perhatian para pelabur luar negeri bahawa mereka tidak perlu bimbang atau merasa pesimistik dengan kadar pertumbuhan Malaysia yang rendah kerana

walaupun ia belum mencapai tahap sebagai sebuah negara perindustrian namun kejayaannya di bidang perindustrian adalah agak tinggi.

Malah, menurut Perdana Menteri, Malaysia kini sudah memasuki bidang industri berat dan teknologi tinggi dan dengan terlaksananya pelan induk perindustrian yang memberi penekanan kepada sektor perindustrian berorientasikan eksport, maka kadar pertumbuhannya dijangka akan menjadi lebih baik.

“Kami juga mempunyai sumber - sumber dan

keupayaan yang perlu untuk melangkah keluar dari kedudukan yang tidak begitu menggalakkan sekarang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dalam tahun - tahun yang akan datang,” tambah beliau.

Menurut Datuk Sri Dr.

Mahathir, pada masa lalu Malaysia bergantung banyak kepada barangan - barangan seperti bijih timah, minyak kelapa sawit, getah dan koko dan seperti negara pengeluar yang lain ekonomi negara ini juga turut terjejas dengan kemelesetan ekonomi dunia.

“Nasib baik juga kami merasakan perlu bagi

Malaysia mempelbagaikan ekonominya awal-awal lagi dan salah satu strategi utama dalam kepelbagaian ini ialah bidang perindustrian.

“Selaras dengan strategi ini, kami mewujudkan program - program yang menekankan eksport dan strategi tersebut terbukti telah dapat membantu kesan - kesan penurunan harga dan permintaan ke atas barangan utama,” kata Perdana Menteri.

Katanya, dengan pengenalan beberapa langkah baru dan insentif - insentif pelaburan serta kenaikan dalam harga barangan utama, Malaysia kini lebih optimistik tentang gambaran - gambaran masa depan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia kini sedang berusaha untuk membantu dan mempertingkatkan industri hartanah.

Antara langkah - langkah yang diambil termasuk mengurangkan kadar bayaran penggunaan tanah, memperkecilkan peraturan - peraturan infrastruktur, mengurangkan “red-tape” atau masalah proses kelulusan, menurunkan kadar faedah pinjaman dan membolehkan pengeluaran caruman Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian rumah.

Perdana Menteri berpendapat bahawa permintaan untuk rumah akan bertambah dengan bertambahnya bilangan penduduk Malaysia yang kini sudah mencapai tahap 16 juta orang.